



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH BANTUAN KEWANGAN LUAR DAN PEMBOLEH
UBAH EKONOMI TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI
DI NEGARA OIC BERPENDAPATAN RENDAH**

NORFARAHANA BINTI NORDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)**

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah mengkaji hubungan keseimbangan jangka panjang dan pendek antara pemboleh ubah bantuan kewangan luar dan pemboleh ubah ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di negara-negara Islam berpendapatan rendah atau miskin. Kajian ini melibatkan 16 buah negara OIC menggunakan data siri masa antara tahun 1970 hingga tahun 2012. Kaedah VAR melibatkan ujian kointegrasi dan ujian penyebab Granger diaplikasi bagi mencapai objektif kajian. Hasil analisis kajian menunjukkan pemboleh ubah bantuan kewangan luar berperanan penting mempengaruhi pertumbuhan ekonomi bagi kebanyakan negara dikaji. Negara Benin, Gambia dan Siera Leone menunjukkan wujud pengaruh keseimbangan jangka panjang dengan pemboleh ubah bantuan kewangan luar, manakala Benin, Burkina Faso, Chad, Gambia, Guinea-Bissau dan Mali pula menunjukkan pengaruh dalam jangka pendek. Di samping itu, terdapat beberapa negara yang dianalisis tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan antara pemboleh ubah bantuan kewangan luar terhadap pertumbuhan ekonomi. Dapatan analisis bercampur ini membuktikan bahawa penyaluran bantuan kewangan luar terhadap sesebuah negara adalah mengikut kepentingan negara penerima. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa bantuan kewangan luar merupakan indikator penting dalam mengurus ekonomi negara berpendapatan rendah. Keberkesanan bantuan kewangan yang diterima memerlukan pengukuran kepentingan bagi pemboleh ubah ini diperluaskan ruang kajian dan tidak dihadkan kepada aspek pertumbuhan ekonomi sahaja. Elemen pembangunan yang dapat dilaksana oleh negara penerima berdasarkan bantuan kewangan yang diterima penting untuk dikaji pada masa depan.





THE INFLUENCE OF FOREIGN FINANCIAL AID AND ECONOMIC VARIABLES ON THE ECONOMIC GROWTH OF LOW INCOME OIC COUNTRIES

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the balance relationship of long and short term between the foreign financial aid variable and the economic variables on the economic growth of low income or poor Islamic countries. This study involves 16 OIC countries by using the time series data between the year of 1970 to 2012. The VAR method consisting of the co integration test and the Granger Causal Test are applied to achieve the objective of the study. Finding of the analysis indicates that the foreign financial aid variable plays an important role in influencing the economic growth of most of the studied countries. Countries such as Benin, Gambia and Sierra Leone demonstrate the existence of influence of the long term balance relationship with the foreign financial aid variable, while Benin, Burkina Faso, Chad, Guinea-Bissau and Mali reveal the short term influence. Besides that, there are a few countries analysed which do not show any significant influence between the foreign financial aid variable and the economic variables on the economic growth. These mixed findings of analysis prove to the fact that the channelling of the foreign financial aid of a country is according to the need of the recipient country. The implication of this study shows that the foreign financial aid is a key indicator in managing the economy of low income countries. The effectiveness of the received financial aid requires a need analysis so that its research scope can be expanded and not limited only to the aspect of economic growth. The element of growth attainable by the receiving countries based on the accepted financial aid is deemed crucial to be studied in the future.



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Soalan Kajian	16
1.6	Hipotesis Kajian	17
1.7	Batasan Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Definisi Operational	19
1.9.1	Hubungan Jangka Panjang dan Jangka Pendek	19
1.9.2	Bantuan Kewangan Luar	19
1.9.3	Pertumbuhan Ekonomi	20
1.9.4	Negara-negara OIC	20
1.9.5	Berpendapatan Rendah	21
1.9.6	Analisis VAR	21
1.10	Kerangka Konseptual	22
1.11	Rumusan	23

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	24
2.2	Bantuan Kewangan Luar	25
2.3	Hubungan Bantuan Kewangan Luar dengan Pertumbuhan Ekonomi	32
2.4	Hubungan Pelaburan Langsung Asing dengan Pertumbuhan Ekonomi	38
2.5	Hubungan Keterbukaan Ekonomi dengan Pertumbuhan Ekonomi	46
2.6	Hubungan Simpanan Domestik dengan Pertumbuhan Ekonomi	51
2.7	Rumusan	57

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	58
3.2	Kaedah Penyelidikan	59
3.3	Kaedah Penganalisaan Data	61
3.3.1	Ujian Deskriptif	61
3.3.2	Ujian Integrasi	63
3.3.3	Ujian Kestabilan VAR	68
3.3.4	Ujian Kointegrasi	68
3.3.4.1	Ujian Kointegrasi Johansen dan Juselius (JJ)	69
3.3.5	Analisis Hubungan Jangka Pendek (Ujian Penyebab Granger)	73
3.3.6	Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM)	76
3.3.7	Ujian Diagnostik	83
3.3.7.1	Ujian Autokolerasi (Ujian LM <i>Breush- Godfrey</i>)	83
3.3.7.2	Ujian	84



Heteroskedastisiti (Ujian ARCH)

3.4	Pemboleh ubah Kajian	85
3.4.1	Bantuan Kewangan Luar	86
3.4.2	Pelaburan Langsung Asing	86
3.4.3	Keterbukaan Ekonomi	87
3.4.4	Simpanan Domestik	87
3.5	Rumusan	87

BAB 4 ANALISIS KEPUTUSAN EMPIRIKAL

4.1	Pengenalan	89
4.2	Analisis Deskriptif	90
4.3	Analisis Integrasi	96
4.3.1	Ujian Punca Unit Imbuhan Dickey Fuller (ADF)	97
4.3.2	Ujian Punca Unit Philips Perron (PP)	101
4.4	Ujian Penentuan Tempoh Lat	107
4.5	Ujian Kestabilan VAR	108
4.6	Ujian Kointegrasi	111
4.7	Hubungan Keseimbangan Jangka Panjang	111
4.8	Analisis Hubungan Jangka Pendek	117
4.8.1	Ujian Penyebab Granger Versi VECM	117
4.8.1.1	Afghanistan	118
4.8.1.2	Bangladesh	119
4.8.1.3	Benin	121
4.8.1.4	Burkina Faso	122
4.8.1.5	Chad	124
4.8.1.6	Gambia	125
4.8.1.7	Guinea	127
4.8.1.8	Guinea-Bissau	128

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
		4.8.1.9	Mali	130
		4.8.1.10	Mozambique	131
		4.8.1.11	Niger	133
		4.8.1.12	Sierra Leone	134
		4.8.2	Ujian Penyebab Eagle dan Granger	136
		4.8.2.1	Comoros	137
		4.8.2.2	Somalia	138
		4.8.2.3	Togo	139
		4.8.2.4	Uganda	141
	4.9		Ujian Diagnostik	142
	4.1		Rumusan	144

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
		5.1	Pengenalan	145
		5.2	Rumusan	146
		5.3	Implikasi Dasar	150
		5.4	Cadangan Kajian	152
		5.5	Kesimpulan	153

RUJUKAN	154
----------------	-----

LAMPIRAN	167
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jumlah Bantuan Kewangan Luar yang Disalurkan oleh OECD	5
1.2	Pembahagian Negara OIC Mengikut Jumlah Pendapatan Per Kapita	10
1.3	Jumlah Bantuan Kewangan Luar 17 buah Negara OIC	12
1.4	Peratus Pertumbuhan Ekonomi	13
2.1	Ringkasan Sorotan Kajian Hubungan Bantuan Kewangan Luar dan Pertumbuhan Ekonomi	37
2.2	Ringkasan Sorotan Kajian Hubungan Pelaburan Langsung Asing dan Pertumbuhan Ekonomi	46
2.3	Ringkasan Sorotan Kajian Hubungan Keterbukaan Ekonomi dan Pertumbuhan Ekonomi	51
2.4	Ringkasan Sorotan Kajian Hubungan Simpanan Domestik dan Pertumbuhan Ekonomi	57
3.1	Pemboleh ubah-pemboleh ubah Proksi yang Digunakan	85
4.2	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah	90
4.3.1	Ujian Punca Unit untuk Pemboleh Ubah Menggunakan Ujian ADF Mengikut Negara	98
4.3.2	Ujian Punca Unit Philips Perron (PP) Mengikut Negara	103
4.4	Keputusan Pemilihan Lat	108
4.7	Ujian Kointegrasi Johansen Mengikut Negara	112
4.8.1.1	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Afghanistan	118
4.8.1.2	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Bangladesh	120
4.8.1.3	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Benin	121



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.8.1.4	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Burkina Faso	123
4.8.1.5	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Chad	124
4.8.1.6	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Gambia	126
4.8.1.7	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Guinea	127
4.8.1.8	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Guinea-Bissau	129
4.8.1.9	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Mali	130
4.8.1.10	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Mozambique	132
4.8.1.11	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Niger	133
4.8.1.12	Analisis Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) Sierra Leone	135
4.8.2.1	Analisis Penyebab Eagle Granger Comoros	137
4.8.2.2	Analisis Penyebab Eagle Granger Somalia	139
4.8.2.3	Analisis Penyebab Eagle Granger Togo	140
4.8.2.4	Analisis Penyebab Eagle Granger Uganda	141
4.9	Keputusan Ujian Diagnostik Model VECM Mengikut Negara	143



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Jumlah Bantuan Kewangan yang Diterima oleh Negara OIC	10
1.2	Analisis Hubungan Penyebab Granger Jangka Panjang Pendek	19
1.3	Analisis Hubungan Kointegrasi Jangka Panjang	19
4.5	Ujian Kestabilan VAR Mengikut Negara	108
4.8.1.1	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Afghanistan	119
4.8.1.2	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Bangladesh	120
4.8.1.3	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Benin	122
4.8.1.4	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Burkina Faso	123
4.8.1.5	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Chad	125
4.8.1.6	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Gambia	126
4.8.1.7	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Guinea	128
4.8.1.8	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Guinea-Bissau	129
4.8.1.9	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Mali	131
4.8.1.10	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Mozambique	132
4.8.1.11	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Niger	134
4.8.1.12	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Sierra Leone	135
4.8.2.1	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Comoros	137
4.8.2.2	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Somalia	138

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.8.2.3	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Togo			140
4.8.2.4	Hubungan Penyebab Jangka Pendek Uganda			142

**SENARAI SINGKATAN**

ACSS	<i>Africa Center for Strategic Studies</i>
ADF	<i>Augmented Dickey Fuller</i>
AIC	<i>Akaike Information Criterion</i>
ARCH	<i>Auto-Regressive Conditional Heterokedasticity</i>
BKL	Bantuan Kewangan Luar
FPE	<i>Final Prediction Error</i>
HQ	<i>Hannan-Quinn Information Criterion</i>
IDB	<i>Inter-American Development Bank</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
JJ	Johansen dan Juselius
KDNK	Kadar Pendapatan Negara Kasar
KE	Keterbukaan Ekonomi
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
PLA	Pelaburan Langsung Asing
PP	<i>Phillips Perron</i>
SESRIC	<i>Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries</i>
	<i>International Monetary Fund</i>
SIC	<i>Schwarz Information Criterion</i>
SIMP	Simpanan Domestik
VAR	<i>Vector Auto Regression</i>
VECM	<i>Vector Error Correction Model</i>





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pertubuhan Negara-negara Islam yang dikenali sebagai *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) ditubuhkan di Maghribi pada tahun 1969. Jumlah negara anggota OIC sehingga tahun 2014 adalah sebanyak 57 buah negara merangkumi pelbagai tahap pendapatan. Umumnya, kebanyakan negara anggota OIC adalah dalam kelompok negara berpendapatan sederhana tinggi (>USD4,653) kecuali tujuh buah negara anggota OIC iaitu Qatar, Bahrain, Kuwait, Arab Saudi, Brunei, Emiriah Arab Bersatu dan Oman. Jumlah penduduk di negara-negara OIC pula mewakili 30 peratus daripada jumlah penduduk dunia. Dari sudut hasil bumi, negara OIC mempunyai





sumber bumi yang bernilai tinggi terutamanya minyak dan gas untuk dimanfaatkan bagi tujuan ekonomi dan sebagainya.

Bagi tujuan pembangunan ekonomi, negara-negara OIC turut menerima bantuan kewangan luar bagi kegunaan pembangunan ekonomi dan bukan ekonomi seperti kemudahan sosial, kesihatan dan pendidikan. Rentetan itu, sejauhmana penerimaan bantuan kewangan luar ini berkesan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi khususnya melibatkan negara-negara OIC yang berpendapatan rendah diteliti dalam kajian ini. Dua justifikasi penting yang mendorong kajian ini ialah tanggungjawab penggubal polisi untuk memastikan pembangunan negara dilaksanakan secara berkesan sama ada menggunakan sumber ekonomi dalaman atau luaran bagi mencapai matlamat pembangunan seperti membasmi isu kemiskinan dan meningkatkan tingkat pendapatan masyarakat (Hossein, Mohsen, Mostafa, Mehdi & Ali, 2011). Selain itu, wujudnya perdebatan yang panjang dalam kalangan pengkaji mengenai kerelevanan bantuan kewangan luar untuk mencapai matlamat ekonomi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sumber kewangan merupakan antara isu serius yang dialami oleh negara-negara membangun dalam merancang polisi pembangunan negara (Ekanayake & Chartna, 2010). Kekangan kewangan akan mempengaruhi penghasilan input pengeluaran berkualiti oleh negara bagi mencapai matlamat ekonomi. Bayraktar (2003) menyatakan bahawa, pencapaian pertumbuhan ekonomi memerlukan sesebuah negara





mempunyai sumber kewangan yang mapan seperti input atau faktor pengeluaran yang mencukupi.

Antara input yang penting ialah modal. Dalam senario ini, terdapat dua bentuk modal yang boleh digunakan oleh pihak penggubal polisi iaitu sumber kewangan dalam dan luar negara. Bagi sumber kewangan luar negara, terdapat pelbagai bentuk dana boleh diperoleh oleh sesebuah negara penerima. Antaranya ialah pinjaman yang disediakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund, IMF*) serta bantuan kewangan daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Kedua-dua organisasi ini ditubuhkan bertujuan untuk merangsang pembangunan ekonomi sesebuah negara melalui mekanisme bantuan kewangan.



IMF ialah sebuah organisasi yang diwujudkan untuk memberi bantuan dari segi kewangan seperti khidmat nasihat dan pinjaman kewangan kepada negara-negara anggota untuk merencanakan lagi ekonomi di negara tersebut. Manakala OECD pula berperanan menyalurkan bantuan kewangan daripada negara penderma kepada negara penerima bantuan khususnya negara-negara berpendapatan rendah. Walaupun kedua-dua dana ini berbeza dari segi tujuannya, namun mempunyai objektif yang sama. Antaranya ialah mencapai matlamat pembangunan yang disasarkan oleh sesebuah negara dan keduanya adalah keterbukaan dalam ekonomi. Menurut Castrillo (2011), bantuan kewangan luar berupaya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sosial di negara membangun.

Pada awal abad ke 21, objektif bantuan kewangan luar mempunyai tiga matlamat iaitu mengurangkan kemiskinan, mewujudkan sistem tadbir urus yang baik



dan mengurangkan persekitaran negatif di negara-negara penerima (Sogge, 2002). Selain mencapai objektif tersebut, bantuan kewangan luar dapat menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara melalui pembinaan infrastruktur, pemindahan teknologi baru dan idea serta memperkukuh kemudahan asas sosial seperti kesihatan, pendidikan, sistem politik dan sebagainya.

Bagi negara-negara mundur, bantuan kewangan luar berperanan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Kesediaan negara-negara penerima menerima bantuan kewangan daripada negara luar membuktikan amalan keterbukaan ekonomi dalam dasar negara. Oleh yang demikian, dasar ini dapat meningkatkan pelaburan dan stok modal (Ekanayake & Chatrna, 2010). Memandangkan wujudnya hubungan yang penting antara bantuan kewangan dengan matlamat pembangunan sesebuah negara, terdapat kajian insentif telah dilaksanakan. Dalam hal ini, terdapat dua kelompok besar yang mempunyai pandangan berbeza berkaitan kesan bantuan ini kepada pembangunan sesebuah negara.

Dari aspek kesan terhadap pertumbuhan ekonomi, Gupta dan Islam (1983), Burnside dan Dollar (2000) dan Karras (2006) mendapati bantuan kewangan luar memberi hasil yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Manakala, kajian oleh Brautigam dan Knack (2004) pula mendapati bahawa bantuan kewangan menunjukkan kesan negatif. Beberapa kajian seperti Mosley (1980), Boone (1996) dan Jelsen dan Paldam (2003) pula mendapati bantuan kewangan tiada dibuktikan berkesan terhadap pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Walaupun tiada pandangan yang sepakat, negara-negara kaya atau maju terus menyalurkan

bantuan kewangan negara-negara membangun bagi tujuan menggalakkan aktiviti ekonomi, pembangunan dan juga kebajikan.

Jumlah bantuan kewangan yang disalurkan oleh *Organization of Economic Corporation and Development* (OECD, 2009) menunjukkan peningkatan jumlah yang signifikan kepada negara-negara membangun dari masa ke semasa (Ekanayake & Chatrna, 2010). Berdasarkan Jadual 1.1, didapati jumlah dana bantuan yang diagih oleh OECD dari tahun 1980 sehingga tahun 2012 telah meningkat dari \$128 billion pada tahun 1980 kepada \$863 billion pada tahun 2012. Ini sejajar dengan objektif saluran bantuan yang bermatlamat untuk membantu sesebuah negara mencapai sasaran pembangunan (OECD, 2008).

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Jadual 1.1: Jumlah Bantuan Kewangan Luar yang Disalurkan oleh OECD

Tahun	Dunia
1980	128,642.84
1990	228,392.00
2000	285,891.07
2010	863,701.80

Sumber: OECD

Walau bagaimanapun, menurut data Laporan Ekonomi Tahunan OIC pada tahun 2014 mendapati bahawa penerimaan jumlah bantuan kewangan oleh OIC berlawanan dengan jumlah bantuan yang disalurkan oleh OECD dan menunjukkan penurunan. Sebagai contoh, jumlah bantuan kewangan luar yang diterima oleh OIC pada tahun 1980 adalah sebanyak \$142 billion. Manakala pada tahun 1990 dan 2000, jumlah bantuan kewangan luar masing-masing mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak \$202 billion dan \$317 billion. Namun begitu, jumlah bantuan kewangan luar didapati menguncup sebanyak \$113 billion pada tahun 2010.

Bantuan kewangan luar (BKL) memainkan peranan penting sebagai pelengkap sumber kewangan untuk tujuan pembangunan, terutamanya kepada negara yang kurang menerima pelaburan secara langsung (Bayraktar, 2003). Objektif BKL telah mengalami perubahan seiring peredaran masa dari tahun 1940 sehingga kini. Pada tahun 1940-an, objektif utama BKL disalurkan untuk perancangan dan pembinaan semula pembangunan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, objektif ini berubah pada tahun 1950-an ke tahun 1990-an di mana objektif BKL memfokuskan kepada kemampuan pelaburan dan menambah pendapatan per kapita dengan cara meningkatkan kadar simpanan sesebuah negara. Menurut pendekatan BKL kadar simpanan sesebuah negara mampu dipertingkatkan dengan cara menghapuskan beban hutang dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Bantuan kewangan luar adalah bermatlamat untuk menggalakkan pertumbuhan positif ekonomi sesebuah negara. Mekanisme bantuan kewangan luar berupaya mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara kerana dana ini mampu meningkatkan produktiviti serta perubahan teknologi pengeluaran melalui pertambahan jumlah pelaburan, tabungan, penggunaan teknologi dan borang modal (Morrissey, 2001).

Penerimaan bantuan kewangan yang diterima oleh sesebuah negara bagi tujuan perbelanjaan awam dalam sektor ekonomi produktif akan memberi kesan rantaian terhadap sektor-sektor lain dalam ekonomi (Odusanya, Logile & Akanni, 2011). Misalnya, bantuan kewangan bagi tujuan kesihatan seperti pembinaan hospital akan mendorong sektor-sektor ekonomi seperti perindustrian besi, batu-batan dan sebagainya untuk berkembang secara seiring. Hubungan ini memberi natijah positif

kepada pertumbuhan ekonomi negara merangkumi aspek produk, perkhidmatan, guna tenaga dan sebagainya.

Rentetan itu, kesan positif pembangunan ini dapat merealisasikan objektif saluran bantuan kewangan bagi merealisasikan pembangunan negara-negara penerima secara lebih menyeluruh (Wilkie, 2008). Hasil kajian oleh McGillivray (2005) mendapati bahawa 90 peratus daripada aliran jumlah bantuan yang diterima di Afrika pada tahun 1991 sehingga tahun 2002 berpunca daripada BKL. Sehingga penghujung tahun 1990-an, natijah daripada bantuan kewangan yang diterima oleh negara-negara Sub Sahara Afrika menunjukkan kesan positif terutama meningkatkan pertumbuhan ekonomi seterusnya mengurangkan peratus kemiskinan.

Bagi negara-negara membangun yang mempunyai polisi fiskal, monetari dan polisi perdagangan yang baik, bantuan kewangan luar adalah efektif kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Burnside & Dollar, 2000). Polisi kerajaan dalam negara penerima yang menerima bantuan kewangan luar melalui pelaksanaan dasar pengurangan kadar cukai serta menggalakkan pelaburan langsung daripada pihak luar berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi di negara berkaitan (Feyzioglu, Swaroop & Zhu, 1998). Senario polisi yang baik ini berupaya untuk menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur dan memberikan pulangan keuntungan kepada sesebuah negara. Sinonim dengan objektif OECD ini, negara-negara penderma cenderung untuk menyalurkan bantuan kewangan yang semakin berkurangan sekiranya negara-negara penerima menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang baik (Sobhee & Nath, 2007).



Walau bagaimanapun, hasil analisis kajian oleh Ram (2004) pula mendapati bahawa tiada bukti yang mencukupi untuk menyokong pandangan signifikan bantuan kewangan ini berupaya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan. Faktor-faktor ketirisan seperti salah guna dan korupsi penggunaan dana menyebabkan bantuan kewangan menjadi tidak berkesan. Sikap pemimpin kerajaan yang melakukan salah tadbir serta wujudnya ketirisan dalam isu pengurusan dana bantuan kewangan menyebabkan dana yang sepatutnya disalurkan untuk tujuan pembangunan tidak dapat diagihkan (Easterly, 1999; Gupta, Clements & Pivovarsky, 2004). Korupsi yang berlaku merencatkan pembangunan ekonomi yang dirancang.

Morss (1984) pula berpendapat bahawa ketidak berkesan bantuan ini berlaku disebabkan negara penerima bersikap untuk mengambil hati negara-negara penderma berbanding melaksanakan matlamat pembangunan. Kajian Tiwari (2011) pula memperkuat lagi pandangan bahawa salah guna bantuan luar ini memberi kesan negatif jika jumlah bantuan yang disalurkan adalah tinggi. Umumnya, bantuan kewangan luar boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis bantuan. Kajian yang dilakukan oleh Alesina dan Dollar (2000) mendapati bahawa terdapat negara penderma seperti Amerika Syarikat yang menyalurkan bantuan kewangan bukan untuk tujuan pembangunan ekonomi sebaliknya adalah untuk operasi ketenteraan.

Timbal balas negara penderma daripada bantuan kewangan yang disalurkan kepada negara penerima memberikan manfaat jangka panjang dalam aspek ekonomi dan perdagangan kepada negara mereka. Kebanyakan negara penyumbang dana seperti Sweden, Norway dan Denmark mencatatkan tahap pekali GNI yang tinggi



melebihi 0.7 untuk melayakkan negara-negara berkenaan dikenali sebagai negara penderma (Adeolu, 2012). Umumnya, negara-negara penderma berminat untuk menyalurkan bantuan kepada negara-negara penerima atau rakan niaga antarabangsa yang menunjukkan potensi yang tinggi dalam bidang yang turut memberi manfaat kepada negara penderma (Meizels & Nissanke, 1984). Kajian oleh Andreasen (2014) mendapati bahawa Amerika Syarikat menjadi negara penderma bersandarkan tiga sebab utama iaitu untuk mewujudkan kestabilan politik, meningkatkan ekonomi serta mengembangkan pengaruh dan kuasa di negara penerima.

Rentetan itu, kajian ini cuba mengenalpasti sejauhmana bantuan kewangan luar signifikan dalam membantu pertumbuhan ekonomi di negara-negara OIC. Tiwari (2011) menegaskan bahawa analisis kesan hubungan perlu dijalankan dengan lebih terperinci bagi mendapatkan hasil keputusan yang lebih baik. Mengambil kira saranan ini, maka perbezaan tahap atau status ekonomi di negara-negara OIC dipertimbangkan. Menerusi kajian yang dijalankan, kelompok negara-negara OIC dikategorikan kepada empat kelompok mengikut pendapatan per kapita negara berdasarkan data yang diperoleh daripada Bank Dunia. Jadual 1.2 merupakan pembahagian negara OIC mengikut jumlah pendapatan per kapita.

Jadual 1.2


Pembahagian negara OIC mengikut Jumlah Pendapatan Per Kapitu

Pendapatan per kapita	Bilangan negara
Negara berpendapatan tinggi	7
Negara berpendapatan sederhana tinggi	16
Negara berpendapatan sederhana rendah	17
Negara berpendapatan rendah	17
Jumlah	57

Sumber: Bank Dunia, 2014



Menurut Laporan Ekonomi Tahunan OIC 2012 menyatakan bahawa kebelakangan ini jumlah aliran BKL ke atas negara-negara OIC semakin berkurangan dari \$49.1 billion pada tahun 2006 kepada \$41.5 billion pada tahun 2010. Ini menunjukkan bahawa negara-negara anggota OIC menerima BKL yang berkurangan berbanding negara-negara membangun yang lain. Berikut merupakan jumlah bantuan kewangan luar yang diterima oleh negara-negara anggota OIC dari tahun 1970 sehingga 2012 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Jumlah keseluruhan bantuan kewangan yang diterima OIC daripada OECD sepanjang tahun 1970 sehingga 2012 ialah sebanyak \$848billion.



Sumber: SESRIC

Rajah 1.1. Jumlah bantuan Kewangan yang Diterima oleh Negara OIC

Bantuan kewangan luar, perdagangan dan pelaburan kewangan sering dilihat sebagai kuasa positif kepada pembangunan di negara-negara Dunia Ketiga (Wilkie, 2008). Dalam kajian ini, 16 buah negara dalam kategori berpendapatan rendah dipilih untuk dianalisis. Penemuan empirikal lepas menarik untuk dikaji lebih terperinci pada





masa kini. Sehubungan itu, adalah penting satu kajian lanjut untuk meneliti sejauh mana bantuan kewangan luar menyumbang kepada pencapaian matlamat ekonomi sesebuah negara khususnya di negara-negara OIC berpendapatan rendah.

1.3 Pernyataan Masalah

Krisis kewangan pada tahun 1990-an mencetuskan perbincangan kontroversi dalam kalangan ahli akademik dan penggubal polisi berkaitan kepentingan bantuan kewangan luar dalam membantu pemulihan ekonomi negara-negara terjejas. Bantuan ini boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian termasuklah bantuan kewangan untuk tujuan kebajikan dan pembangunan, bantuan kewangan untuk ketenteraan dan lain-lain. Berdasarkan laporan daripada OECD, Kesatuan Eropah misalnya Sweden dan Norway menjadi penyumbang dana terbesar berbanding negara penderma yang lain seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Negara penderma umumnya memiliki kuasa dan kelebihan tertentu dari segi politik, ekonomi, pembangunan dan kemanusiaan (Wilkie, 2008).

Memandangkan kebanyakan negara-negara OIC berada dalam kelompok negara membangun, 17 buah negara dikaji ini turut menerima bantuan kewangan luar. Jadual 1.3 berikut merupakan jumlah bantuan kewangan luar yang diterima oleh 17 buah negara OIC berpendapatan rendah yang diteliti dalam kajian ini.



Jadual 1.3

Jumlah Bantuan Kewangan Luar 17 buah negara OIC (USD Billion)

Negara	1970- 1979	1980- 1989	1990- 1999	2000- 2009	2010- 2012	Jumlah
Afghanistan	646.84	370.22	2204.34	27636.38	20036.38	50894.16
Bangladesh	5703.52	13713.44	14822.00	13283.29	5057.06	52579.31
Benin	421.94	1197.25	2549.25	3978.16	1890.73	10037.33
Burkina Faso	868.80	2276.74	4156.36	6838.22	3216.00	17356.12
Chad	624.41	1409.95	2366.23	3155.94	1424.82	8981.35
Comoros	163.81	450.42	414.89	316.48	187.73	1533.33
Gambia	134.98	692.87	653.23	745.87	394.10	2621.05
Guinea	227.86	1617.49	3577.16	2366.90	761.84	8551.25
Guinea-Bissau	196.98	755.38	1186.33	984.34	323.94	3446.97
Mali	962.06	3241.26	4326.95	6766.08	3370.53	18666.88
Mozambique	419.11	4075.68	10650.34	15098.82	6143.33	36387.28
Niger	1007.09	2570.73	3162.14	4488.44	2295.89	13524.29
Sierra-Leone	198.78	775.10	1468.61	3708.52	1334.97	7485.98
Somalia	1258.46	4319.99	3336.44	3239.35	2591.76	14746.00
Tajikistan	-	-	641.55	2270.37	1178.07	4089.99
Togo	482.02	1255.66	1571.94	1395.22	1188.23	5893.07
Uganda	321.42	2257.22	6990.77	12556.59	4956.48	27082.48
Jumlah Keseluruhan						283,876.80

Sumber: SESRIC

Berdasarkan Jadual 1.3, didapati negara Bangladesh dan Afghanistan merupakan dua buah negara OIC yang menerima jumlah bantuan kewangan luar tertinggi sepanjang tempoh 42 tahun. Manakala, Comoros merupakan negara penerima yang menerima jumlah bantuan yang paling sedikit dalam kelompok negara OIC berpendapatan rendah. Sehubungan itu, kajian ini mendapati kelompok negara OIC berpendapatan rendah menerima 33 peratus daripada jumlah keseluruhan bantuan kewangan luar yang disalurkan oleh OECD kepada OIC.

Kepentingan bantuan kewangan luar terhadap pertumbuhan ekonomi di negara membangun mendapat perhatian daripada kalangan pengkaji sehingga kini. Dapatan